

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia  
in fulfillment of the requirement for the degree of  
Doctor of Philosophy

**EFFECTS OF THE SCHOOL-BASED ORAL ENGLISH TEST ON  
PARTICIPANTS, PROCESSES, AND PRODUCTS AT SELECTED MARA  
JUNIOR SCIENCE COLLEGES**

**By**

**ZAITUN BINTI ABDUL MAJID**

**JUNE 2010**

**Chairman: Associate Professor Arshad bin Abd Samad, Phd.**

**Faculty: Educational Studies**

The school-based Oral English test was introduced to Malaysian Form 4 and 5 students in 2002, a trend “towards an assessment system that gives everyone a fair test and equal chance to demonstrate what he or she knows” (Ramsey, New Straits Times, Sept. 17, 2005). The onus is now on subject teachers to assess their own students in class.

This study was undertaken to investigate the implementation of the test. More specifically, the study looked at how teachers in selected MARA Junior Science Colleges prepared students for the test in their respective schools, how they tested the students in a school-based context, and examined the washback effects of the test conducted on classroom instructions and student performance. All in all 30 students from three different schools of the same system comprising 5 focus groups were interviewed, and 14 teachers from the same schools were either observed in the classrooms and/or interviewed over the course of seven and a half (7 1/2) months.

The framework of the whole study included a look at communicative competence and the teaching and testing of communicative language. School-based and alternative assessments were also discussed as well as assessing oral ability, high-stakes testing, and the washback theories. Since the test in this study is a school-based one, the inclusion of classroom assessment was called for.

The qualitative data was gained from document analysis, classroom observations, focus group interviews and one-to-one teacher interviews. The classroom observations were translated into narrative vignettes to provide insights on the actual implementation of the OET in the classrooms. Parts of the observations were used to correlate the answers found in the Research Questions.

The answers to the research questions reveal a lot in terms of the attitudes, perceptions and more importantly how the oral English test is implemented. For example, the teachers unanimously agreed that the OET was not valid as it did not assess students' speaking ability. The study found no change in teaching methods or teaching materials. Negative washback occurred when students memorized texts in preparing for the test. Various implications can be drawn from the results of this research.

And lastly, based on the findings, suggestions and recommendations are addressed to teachers, school administrators, the Ministry of Education and The Malaysian Examination Syndicate. Suggestions for future researchers are made at the end of the chapter. Based on the evidence found in this research a decisive conclusion to be made is that there is a need to make sure that the school-based oral English test at all times provide overall balance of validity, reliability and test efficiency in the assessment of communicative skills (Bachman, 1990) and in ensuring a positive washback.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**KESAN UJIAN LISAN BERASASKAN SEKOLAH BAGI BAHASA INGGERIS KE  
ATAS PESERTA, PROSES DAN PRODUK MAKTAB RENDAH SAINS MARA  
YANG TERPILIH**

**Oleh**

**ZAITUN BINTI ABDUL MAJID**

**JUN 2010**

**Pengerusi: Professor Madya Arshad Bin Abd Samad, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Ujian Lisan Berasaskan Sekolah bagi Bahasa Inggeris diperkenalkan kepada pelajar Malaysia Tingkatan 4 dan 5 pada tahun 2002, iaitu trend “ke arah sistem penilaian yang menyediakan ujian yang wajar dan peluang yang sama kepada setiap orang untuk memperlihatkan apa yang diketahui oleh mereka” (Ramsey, New Straits Times, 17 September 2005). Kini tanggungjawab tersebut terpikul di bahu guru mata pelajaran untuk menilai pelajar mereka di dalam bilik darjah.

Kajian ini dibuat untuk mengkaji pelaksanaan ujian tersebut. Kajian ini khususnya meneliti bagaimana guru di Maktab Rendah Sains MARA yang terpilih menyediakan pelajar untuk ujian tersebut di sekolah masing-masing, bagaimana mereka menguji pelajar dalam konteks berasaskan sekolah dan mengkaji kekesanan (*washback*) bagi ujian tersebut terhadap arahan dalam bilik darjah dan prestasi pelajar. Keseluruhannya, temu bual dilakukan ke atas lima kumpulan tumpuan yang terdiri daripada 30 orang pelajar dari tiga sekolah berlainan yang menggunakan sistem yang sama, manakala 14 orang guru dari sekolah yang sama diperhatikan di dalam bilik darjah dan/atau ditemu bual dalam tempoh tujuh setengah (7 ½) bulan.

Rangka kerja bagi keseluruhan kajian merangkumi penelitian ke atas kecekapan komunikatif serta pengajaran dan pengujian bahasa komunikatif. Ujian berasaskan sekolah dan ujian alternatif juga dibincangkan selain menilai keupayaan lisan, ujian yang membawa kesan besar kepada masa depan calon ujian penting (*high-stakes testing*) dan teori-teori kekesanan (*washback*). Memandangkan ujian dalam kajian ini berasaskan sekolah, penilaian bilik darjah perlu dirangkumkan.

Data kualitatif diperoleh daripada analisis dokumen, pemerhatian dalam bilik darjah, temu bual kumpulan tumpuan dan temu bual guru seorang ke seorang. Pemerhatian di bilik darjah diterjemahkan menjadi naratif ringkas untuk memberikan pengertian tentang pelaksanaan sebenar OET (Ujian Lisan Bahasa Inggeris) di bilik darjah. Sebahagian daripada pemerhatian digunakan untuk menghubungkan jawapan yang diperoleh dalam Soalan Penyelidikan.

Jawapan bagi soalan penyelidikan mendedahkan banyak perkara, iaitu dari segi sikap, pandangan dan lebih penting lagi, bagaimana ujian Bahasa Inggeris dilaksanakan. Sebagai contoh, guru-guru sebulat suara bersetuju bahawa OET tidak sah kerana ia tidak menilai kebolehan pelajar bercakap. Kajian

mendapati tiada perubahan dalam kaedah pengajaran atau bahan pengajaran. *Washback* negatif berlaku apabila pelajar menghafal teks dalam persediaan untuk ujian. Pelbagai implikasi boleh didapati daripada hasil penyelidikan ini.

Akhirnya, daripada dapatan yang diperoleh, cadangan dan syor dikemukakan kepada guru, pentadbir sekolah, Kementerian Pelajaran dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Cadangan untuk penyelidikan pada masa depan diberikan di penghujung bab. Berdasarkan bukti yang didapati dalam penyelidikan ini, kesimpulan muktamad yang akan dibuat adalah wujudnya keperluan untuk memastikan bahawa ujian lisan berasaskan sekolah bagi Bahasa Inggeris memberikan keseimbangan yang menyeluruh pada setiap masa dari segi kesahihan, ketersediaan dan kecekapan ujian dalam penaksiran kemahiran komunikatif (Bachman, 1990) dan dalam memastikan kekesan yang positif.